

Harian Metro  
15 April 2011

# Dekorasi rumah

Pameran Homedec 2011 menjanjikan pelbagai kelainan hiasan

>>Oleh Azma Razana Johari

am@hmetro.com.my

**G**EORGETOWN: Pemilik rumah yang mahu kelainan dalam menghias rumah kediaman kini berpeluang mendapatkan maklumat lanjut selain melihat sendiri pelbagai dekorasi kediaman melalui Pameran Dekorasi Rumah 2011 (Homedec 2011) yang diadakan di Pusat Sukan Antara-bangsa (Pisa), Relau, dekat sini, mulai hari ini hingga Ahad ini (15 hingga 17 April 2011).

Pameran tiga hari itu menyediakan 420 ruang pameran dan akan disertai 160 syarikat yang berkaitan dengan dekorasi kediaman.

Program anjuran CIS Network Sdn Bhd yang diadakan sejak 2003 itu dapat membantu pengunjung mengetahui rekaan terbaru,



**MENARIK...antara dekorasi rumah kediaman yang dipamerkan di Homedec 2011.**

**FAKTA**  
Pameran  
3 hari  
disertai 160  
syarikat

peralatan, model, teknologi serta konsep idaman terkini.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang mempelajari tip menghias rumah dengan betul, mengaplikasikan idea kreatif mereka, sekali gus menjadikannya satu kenyataan.

Orang ramai dijemput hadir dalam pameran yang diadakan mulai jam 11 pagi hingga 9 malam setiap hari dan masuk adalah percuma.

Untuk keterangan lanjut, boleh melayari laman web, [www.homedec.com.my](http://www.homedec.com.my) atau hubungi 016-2332773.